

# PM: Tingkat pengetahuan, kemahiran pelbagai bidang

**Pengetahuan dan kemahiran merupakan sebahagian daripada modal insan. Tanpanya sukar bagi umat Islam mencapai matlamat**

**ABDULLAH  
AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**PUTRAJAYA** 29 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, umat Islam perlu memberi tumpuan terhadap usaha memperbaiki diri dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang demi kepentingan ummah.

Menurut Perdana Menteri, pengetahuan dan kemahiran merupakan sebahagian daripada modal insan dan tanpanya sukar bagi umat Islam untuk mencapai sebarang matlamat.

"Untuk menjadi umat yang dihormati di seluruh dunia, kita perlu menambah nilai terhadap apa jua yang kita laksanakan," katanya ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa anjuran Wisma Putra, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan duta-duta negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke negara ini.

Selepas berbuka puasa, Perdana Menteri turut bersolat tarawih bersama tetamu yang hadir.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri yang juga Pengerusi OIC, turut menyentuh bagaimana negara Cuba ber-

jaya menjadikan pendidikan dan kemahiran sebagai satu aset penting kepada rakyatnya.

"Ketika saya melawat Cuba baru-baru ini, saya telah melihat bagaimana negara itu membangun dengan pesat pun pernah mengalami sekatan antarabangsa untuk tempoh yang panjang.

"Mereka telah membangun dengan cemerlang dalam bidang pendidikan dan kesihatan, malah mampu menghantar beribu-ribu doktor ke negara yang memerlukan bantuan seperti Afrika, Pakistan dan negara yang dilanda tsunami.

"Negara itu juga berjaya membuka klinik kelas pertama yang menawarkan rawatan percuma kepada rakyatnya," katanya.

Justeru, ujar Perdana Menteri, pendidikan adalah penting dan semua umat Islam perlu mempunyai rangkaian terhadap pendidikan berkualiti.

Malah Islam, katanya, memberikan penekanan terhadap pendidikan dengan ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. ialah *Iqra* yang bererti baca.